

Brambles

Dasar Kesehatan dan Keselamatan

Brambles Limited

Disemak Semula: 1 Januari 2020

Versi 2.0

DASAR KESIHATAN DAN KESELAMATAN

Menjadi dasar Brambles untuk menyediakan dan mengekalkan persekitaran kerja yang sihat dan selamat serta mencegah kecederaan, penyakit atau gangguan terhadap kesihatan pekerja, kontraktor, pelanggan atau orang awam. Kita mengutamakan keselamatan berbanding dengan semua aspek yang lain dalam aktiviti perniagaan kita.

Brambles komited untuk mencapai ZeroHarm, yang bermaksud tiada kecederaan, tiada kerosakan kepada alam sekitar dan tiada kesan buruk terhadap hak asasi manusia. Piagam ZeroHarm, yang menetapkan visi, nilai dan kelakuan serta komitmen yang diperlukan untuk bekerja dengan selamat dan memastikan pematuhan alam sekitar, disediakan kepada semua pekerja dan boleh didapati pada laman webBrambles.

Kita juga komited untuk memastikan pekerja Brambles dipersiapkan secukupnya dengan peralatan, teknik dan kelengkapan yang diperlukan oleh mereka untuk menjalankan tugas mereka dengan memuaskan dan berkesan, serta memenuhi tanggungjawab mereka terhadap kesihatan dan keselamatan.

Kejayaan dasar kesihatan dan keselamatan kita bergantung pada komitmen peribadi semua pekerja kita. Kami mengharapkan anda, semasa bekerja, untuk mengambil berat tentang kesihatan dan keselamatan diri anda, serta kesihatan dan keselamatan rakan sekerja anda. Menjadi tanggungjawab peribadi anda untuk mengikuti amalan kerja yang selamat, mematuhi peraturan keselamatan syarikat dan melaporkan bahaya, insiden dan insiden hampir berlaku di tempat kerja kepada penyelia anda. Semua orang dikehendaki menggunakan kemahiran dan pengetahuannya untuk mempertingkatkan keselamatan.

Kami seterusnya mengharapkan anda memastikan bahawa, semasa bekerja, anda sentiasa berada dalam keadaan yang sihat untuk bekerja dan tidak membahayakan diri anda atau orang lain melalui penyalahgunaan dadah atau alkohol.

Menjadi tanggungjawab setiap unit perniagaan untuk memastikan dasar ini dilaksanakan. Kita menghendaki semua pengurus dan penyelia menyediakan:

- Tempat kerja yang selamat;
- Peralatan, kelengkapan dan kenderaan yang telah dipilih, diuji dan diselenggarakan untuk keselamatan;
- Sistem yang memastikan peralatan, kelengkapan dan kenderaan digunakan dengan selamat dan bahan-bahan dikendalikan, digunakan dan disimpan dengan selamat;
- Latihan yang membolehkan pekerja memahami tanggungjawab peribadi mereka dalam kesihatan dan keselamatan serta bahaya yang wujud dalam kerja mereka;
- Latihan yang membolehkan pekerja memahami, mengendalikan, menggunakan dan menyelenggarakan peralatan, kelengkapan dan kenderaan mereka, serta peralatan keselamatan dan sistem kerja yang selamat;
- Penyeliaan aktiviti kerja yang sewajarnya;
- Sistem untuk memantau prestasi kesihatan dan keselamatan;
- Pengiktirafan prestasi keselamatan dan kelakuan yang baik bagi membangkitkan minat dan semangat dalam usaha untuk menggalakkan keselamatan;
- Komunikasi dan perundingan dengan pekerja tentang isu kesihatan dan keselamatan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang keselamatan;
- Kemudahan yang mencukupi untuk kesejahteraan pekerja di tempat kerja;
- Latihan dan peralatan pertolongan kecemasan yang sesuai; dan
- Prosedur kecemasan yang berkesan dan sesuai.

Kita bukan sahaja menghendaki semua pengurus dan penyelia memastikan bahawa kita mematuhi segala undang-undang dan peraturan kesihatan dan keselamatan yang berkenaan, malah kita memerlukan semua orang melaksanakan amalan keselamatan operasi terbaik dalam industrinya.

- **Setiap Kemalangan Boleh Dielak**

- Buat penilaian terhadap setiap situasi yang mungkin menyebabkan kemalangan dan ambil semua langkah berjaga-jaga yang boleh dilaksanakan secara munasabah bagi mengelakkan kejadian sedemikian.
- Jalankan penilaian risiko kesihatan dan keselamatan berkaitan dengan bahan, produk, prosedur, peralatan, kelengkapan, kenderaan dan tempat kerja kita secara berkala. Secara khusus, apabila kerja dijalankan di tempat awam, pastikan kerja tersebut dilaksanakan tanpa risiko kepada orang awam, setakat mana yang boleh dipraktikkan secara munasabah.
- Gabungkan pertimbangan kesihatan dan keselamatan ke dalam semua perancangan perniagaan. Secara khusus, pastikan kesihatan dan keselamatan dipertimbangkan sebagai sebahagian daripada reka bentuk dan operasi bahan, produk, prosedur, peralatan, kelengkapan, kenderaan dan tempat kerja yang baharu.
- Sediakan maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan sebagaimana yang diperlukan untuk memastikan kesihatan dan keselamatan pelanggan, kontraktor dan pelanggan kita sewajarnya.
- Pastikan proses pemilihan dan pengiktirafan pekerja, kontraktor dan pembekal merangkumi pengiktirafan dan sokongan terhadap prestasi keselamatan yang baik.
- Jalankan audit secara berkala untuk menilai pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkenaan, keberkesanan sistem pengurusan kesihatan dan keselamatan serta pelaksanaan dasar ini.